

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 MAY 2017

# Kerajaan Pusat cadang bandar keusahawanan

UM - 7/5/2017

**KOTA KINABALU 6 Mei** - Kerajaan Pusat mencadangkan penubuhan Bandar Keusahawanan Lautan Biru di Sabah sebagai tempat khusus yang memberi peluang kepada golongan usahawan muda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bandar itu akan menjadi bandar keusahawanan kedua di negara ini selepas Borneo744 di Kuching, Sarawak.

"Kita (kerajaan Pusat) berharap sebuah bandar keusahawanan dapat memberi peluang dan tempat yang lebih khusus untuk golongan muda (di Sabah) menjalankan perniagaan," katanya ketika melancarkan Gabungan Rakan Entrepreneur Aspirasi Terhebat (Great) 2017 di sini hari ini.

Najib turut mengumumkan pelaksanaan Program *Impact-Driven Enterprise Accreditation* (IDEA) oleh Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) mulai Julai ini.

Menurutnya, objektif utama program itu adalah untuk memberi penarafan keusahawanan sosial kepada syarikat berfokuskan impak, di samping menyediakan kur-

**Kita berharap sebuah bandar keusahawanan dapat memberi peluang dan tempat yang lebih khusus untuk golongan muda (di Sabah) menjalankan perniagaan."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

sus peningkatan keupayaan kepada syarikat tersebut.

"Melalui usaha ini, satu daftar syarikat keusahawanan sosial yang berkeupayaan akan dapat diwujudkan," katanya.

Najib juga berkata, Majlis Keusahawanan Institusi Sabah (Makisa) akan ditubuhkan sebagai badan penghubung antara institusi pengajian tinggi (IPT) dan badan korporat dalam program keusahawanan.

Melalui majlis itu, program keusahawanan di peringkat IPT akan lebih terselaras, katanya. - BERNAMA